



Siaran **AKHBAR**

UNIT KOMUNIKASI STRATEGIK
KEMENTERIAN PERTAHANAN

MOD.100/2/1/2 JLD 2 - () 04/05

MAJLIS PENYAMPAIAN SUMBANGAN HARI RAYA AIDILFITRI KEPADA ANGKATAN TENTERA MALAYSIA

Majlis Penyampaian Sumbangan Hari Raya kepada Angkatan Tentera Malaysia telah disempurnakan oleh YB Tuan Haji Mohamad bin Sabu, Menteri Pertahanan Malaysia bertempat di Auditorium Wisma Pertahanan, Kementerian Pertahanan, Kuala Lumpur pada 31 Mei 2018. Isteri Menteri Pertahanan iaitu YBhg Puan Normah binti Alwi turut hadir dalam majlis tersebut.

Pada tahun 2018, seramai 48 agensi penyumbang yang terdiri daripada badan-badan korporat, badan-badan berkanun, syarikat-syarikat swasta dan persatuan-persatuan sukarela telah sudi menyumbang dengan jumlah keseluruhan bernilai RM 1,642,500.00 (Rujuk lampiran senarai keseluruhan yang telah menyumbang).

Di majlis ini, para penyumbang-penyumbang dan wakil yang hadir menerima penyampaian sijil penghargaan dan cenderamata daripada ATM. ATM juga menerima sumbangan barangan daripada agensi-agensi yang berikut :

1. Puspanita Kementerian Pertahanan.
2. Perbadanan Perwira Niaga Malaysia (PERNAMA).
3. Dewina Holdings Sdn Bhd.
4. Pagoda Foods (Malaysia) Sdn Bhd.
5. Regal Marketing & Trading Sdn Bhd.
6. Percetakan Nasional Malaysia Berhad (PNMB).
7. N.A.Z Medical Supplies Sdn Bhd.
8. Rukun Tetangga Sikamat Seremban.
9. Persatuan Veteran ATM.
10. Utusan Karya.
11. Federal Agricultural Marketing Authority (FAMA).
12. Kumpulan FELDA.
13. Padiberas Nasional Berhad.

Selain itu, ATM juga turut menerima penyampaian wang zakat daripada syarikat-syarikat Lembaga Tabung Angkatan Tentera (RM575,000.00), Affin Bank Berhad (RM500,000.00), Koperasi Angkatan Tentera Malaysia Berhad (RM350,000.00) dan Affin Hwang Investment Bank Berhad (RM250,000.00).

Saban tahun, tenaga kerja disumbangkan oleh Badan Kebajikan Keluarga Angkatan Tentera (BAKAT) ATM yang membantu menyediakan 15,000 unit bungkusan beg hari raya untuk diedarkan kepada setiap perkhidmatan ATM untuk tujuan pengagihan kepada anggota yang sedang bertugas semasa operasi dalam dan luar negara (PBB) serta anggota keselamatan kem-kem tentera pada Hari Raya Aidilfitri nanti.

Hadir pada majlis ini juga, YM Jeneral Tan Sri Raja Mohd Affendi bin Raja Mohd Noor, Panglima Angkatan Tentera serta isteri, YBhg Dato' Sri Abdul Rahim bin Mohamad Radzi, Ketua Setiausaha Kementerian Pertahanan serta isteri, YBhg Jen Tan Sri Dato' Sri Zulkiple bin Hj Kassim, Panglima Tentera Darat serta isteri, Laksamana Tan Sri Ahmad Kamarulzaman bin Hj Ahmad Badaruddin, Panglima Tentera Laut serta isteri, YBhg Jeneral Tan Sri Dato' Sri Hj Affendi bin Hj Buang, Panglima Tentera Udara serta isteri, YBhg Laksamana Madya Datuk Mohd Reza bin Mohd Sany, Panglima Angkatan Bersama serta isteri dan hampir 500 orang warga ATM.

-TAMAT-

"PERTAHANAN NEGARA TANGGUNGJAWAB BERSAMA"

KEMENTERIAN PERTAHANAN MALAYSIA
31 MEI 2018